



Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

طاجوتن
Diterbitkan sejak 1932

MAJUTAN

Edisi Mei-Ogos 2014 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

 4	 8	 15	 20
Rainforest Downhill Challenge	Bengkel Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa	Taklimat Pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) 5S	Kursus Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa

Laporan dan artikel yang penuh berinformasi di dalam...



SIDANG REDAKSI MAJUTAN

PENASIHAT

YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Shashiah binti Abdul Karim
Timbalan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG

Othman bin Deris

PENOLONG PENGARANG 1

Asiah binti Yaacob

PENOLONG PENGARANG 2

Iqti'e Qamar Laila binti Mohd Gani

KONSEP DAN REKA BENTUK

Muhammad umar bin Abdullah

URUSAN PERCETAKAN & EDARAN

Kamal Kusyairi bin Abd. Ghani

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR

Nurazwaha binti Omar

KEDAH

Siti Sarah binti Shaharuddin

KELANTAN

Suryani binti Mohd Nordin

MELAKA

Noor Syuhada binti Abdul Samad

NEGERI SEMBILAN

Siti Norhayati binti Mohamad Mastar

PAHANG

Melati binti Yusof

PERAK

Nur' Ain binti Chek Mustafa

PERLIS

Ahmad Fikri bin Mistar

PULAU PINANG

Mis Maizura binti Amat Kaulan

SELANGOR

Noor Ain binti Abdul Karim

TERENGGANU

Zuraida binti Zakaria

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Rusli bin Tahir

WAKIL BAHAGIAN IBU PEJABAT PERHUTANAN

PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN

Noorshathiroh binti Saidin

PENGURUSAN HUTAN

Rosaizan Haryani binti Rosli

SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN

Nur Afzan binti Anuar

LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Khairunnisa binti M. Mamat

HAL EHWAL ANTARABANGSA

Harry Yong

LATIHAN PERHUTANAN

Durrutul Ain binti Ahmad Zainudin

PENGUATKUASAAN HUTAN

Ahmad Bahtiar bin Bakari

KEJURUTERAAN HUTAN

Aminuddin bin Suhaimi

KHIDMAT PENGURUSAN

Ruhasmizan binti Mat Zain

PENGURUSAN MAKLUMAT

Noorazila binti Yatim

TEKNIKAL & INDUSTRI KAYU

Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Mohd Zulhili bin Mohd Radzi

FOREST ECO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI

Hj. Helmy Tariq bin Othman

KOMUNIKASI KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

Mahfuzah binti Badian

SETIAUSAHA PUSPANITA

Zuraida binti Mohd Aziz

SETIAUSAHA PKSIP

Muhammad Ezhar bin Yusuf

JURUFOTO

Dzulkiifi bin Tukiman

Hairul bin Abdul Hamid

Pihak Jawatankuasa Majutan mengalu-alukan sebarang bentuk Cadangan / Artikel / Rencana / Komen daripada seluruh warga Perhutanan.

SILA MAJUKAN KEPADA ALAMAT

Emel : asiah@forestry.gov.my
umar@forestry.gov.my



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam satu Malaysia.

Alhamdulillah, pertamanya saya amat bersyukur kehadiran Allah Subhanahu

Wata'ala kerana dengan limpah dan iradahNya jua

dapatlah kita bersua dalam Buletin MAJUTAN Edisi Mei-Ogos tahun 2014. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kumpulan sidang redaksi dan penyumbang artikel yang sama-sama terlibat di dalam proses penghasilan buletin ini.

Justeru itu, Buletin MAJUTAN Edisi Mei hingga Ogos kembali lagi dengan penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi dan boleh dimanfaatkan oleh para pembaca. Program-program yang dirancang telah berjaya diadakan dengan lancar hasil kerjasama semua warga kerja JPSM dan laporan dan artikel yang terpilih telah dimuatkan dalam MAJUTAN ini. Sesungguhnya dengan adanya penerbitan sebegini dapat memberi ruang kepada semua warga lebih proaktif dalam menyumbang artikel terkini untuk dikongsi bersama semua warga JPSM.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

“JPSM BERWAWASAN”

“1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Isi Kandungan

Lawatan Kerja KPPSM ke Tapak Projek Mereplikasi Pelaksanaan RFID	3
Persediaan Menghadapi Audit Pemantauan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS)	4
Rainforest Downhill Challenge 2014, Taman Rimban Kledang Saiong, Ipoh	4
Lab Pelaksanaan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) di Semenanjung Malaysia	6
Aktiviti PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	7
Bengkel Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa terancam di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai Lapangan/ Beruniform Tahun 2014 (Zon Timur)	8
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013 dan Apresiasi Pesara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2014	10
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) Bil 1/2014	11
Kem Perhutanan Peringkat Negeri Pahang 2014	12
Lawatan sambil belajar ke Hutan Lipur Gunung Soga Perdana, Batu Pahat, Johor.	13
Lab Mengaplikasi Sistem Growth dan Yield (G&Y)	13
Majlis Pra Pelancaran Go Green with Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET)	14
Taklimat Pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) 5S	15
Lawatan Kerja YAB Menteri Besar Terengganu ke Hutan Lipur Chemerong, Dungun Terengganu	15
Kursus Pemantapan Pelaksanaan MC&I (Hutan Asli) ke Arah Pencapaian Zero CARs kepada Pegawai Hutan Daerah Gred G41 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	16
Taklimat Transformasi Pembangunan Organisasi Sektor Awam	17
Taklimat Tatacara Perolehan Secara Sebutarga	17
Meraikan Anak Yatim & Tazkirah Bersama Ustaz PU Yeop	18
Majlis IHYA Ramadhan 2014	19
Kursus Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia	19
Majlis Sambutan Aidilfitri 2014 Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	21
Program Kembara Rimba dan Hari Perhutanan Sosial Jabatan Perhutanan Negeri Perak Bersama Pro-Motorsport Club dan Young Muslim Sport Club di Perkampungan Orang Asli Post Yum, Sungai Siput (U)	22
Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	23
Mutiara Pulau Pinang Berusia 130 Tahun	24



LAWATAN KERJA KPPSM KE TAPAK PROJEK MEREPLIKASI PELAKSANAAN RFID

Disediakan oleh: Melati binti Yusof
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 8 Mei 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menerima lawatan kerja dari Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim ke tapak Projek Mereplikasi Pelaksanaan Sistem *Radio Frequency Identification* (RFID) Dalam Aktiviti Pengurusan Hutan Di Negeri Pahang yang terletak di Kompartmen 29-A dan 28-B Hutan Simpan Lepar, Daerah Hutan Pekan.

Program yang diurusetiakan bersama oleh Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMSM) dan Unit Pengurusan Hutan JPNP ini turut disertai oleh Pengarah-pengarah Jabatan Perhutanan Negeri yang lain serta pegawai-pegawai kanan JPNP. Pasukan daripada Pejabat Hutan Daerah Kuantan telah membuat demonstrasi aktiviti penandaan dan penebangan pokok, penandaan tag RFID di matau sementara, semakan tual dan pengeluaran pas pemindah di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) Gambang menggunakan sistem komputer.

Program yang bermula pada jam 8.30 pagi ini telah berakhir di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) Gambang pada jam 6.00 petang.



YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim memeriksa tual balak di Matau Hutan Simpan Lepar.



YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim meneliti pengukuran tual balak di atas lori.



YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim melihat cara-cara kemasukan data daripada *handheld* ke sistem komputer di Balai Pemeriksaan Hutan.



YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim menyerahkan pas pemindah yang telah siap dicetak dengan menggunakan sistem RFID kepada kontraktor pelesen.



PERSEDIAAN MENGHADAPI AUDIT PEMANTAUAN PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

Disediakan oleh: Khairul Amir bin Mohammad

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

MELAKA, 10 Mei 2014 - Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Mesyuarat Persediaan bagi menghadapi Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) JPSM BIL. 1/2014. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Maklumat, IPJPSM. Antara agenda mesyuarat adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan Post Mortem Audit Pensijilan ISMS (Audit Pensijilan ISMS, Audit Keselamatan Fizikal Pusat CGSO dan SPA), semakan skop ISMS, semakan MyRam dan *Risk Treatment Plan* (RTP), semakan semula Kajian Pengukuran Keberkesanan dan semakan Dokumen Pelan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Plan*, DRP)

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membuat persediaan yang teratur dan sistematik dalam menghadapi Audit Pemantauan (Surveillance Audit) oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada bulan September 2014 bagi pengecalan pensijilan ISMS Jabatan. Melalui mesyuarat ini juga, penetapan pelaksanaan Audit Dalam akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2014.



Ahli Mesyuarat Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS).

RAINFOREST DOWNHILL CHALLENGE 2014 TAMAN RIMBA KLEDANG SAIONG, IPOH

Disediakan oleh: Mohamad Rizal Bin Razali &
Tinarossima Binti Badiuzaman
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 10 Mei 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dengan kerjasama Kelab Basikal Lasak Neighborhood Perak telah menganjurkan Pertandingan *Mountain Bike: Rainforest Downhill Challenge 2014* di Taman Rimba Kledang Saiong. Objektif penganjuran pertandingan adalah untuk menyokong usaha kerajaan mencungkil dan mengasah bakat-bakat yang berpotensi dalam aktiviti sukan lasak seperti *mountainbike*, *downhill* dan BMX yang turut dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Kehadiran YBhg. Dato' Haji Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan Yang Berusaha Dr. Mohd Hizamri Bin Mohd Yassin, Timbalan Pengarah (Pembangunan) menyeronokkan lagi majlis.



Melalui pertandingan sebegini, JPNPk dapat mempromosi Taman Rimba Kledang Saiong sebagai sebuah Hutan Lipur yang menawarkan 'sports-tourism' yang pertama di Negeri Perak dan memperkenalkan Taman Rimba Kledang Saiong sebagai sebuah kawasan rekreasi keluarga dengan tarikan alam semula jadi seperti sungai, denai interpretasi dan Taman Nepenthes.

Pertandingan yang julung kali diadakan di Negeri Perak ini berjaya menarik penyertaan bukan sahaja daripada masyarakat tempatan tetapi turut disertai oleh peserta dari Thailand dan Singapura. Seramai 120 orang peserta mengambil bahagian dalam enam (6) kategori seperti berikut:

- a) Terbuka Wanita -19 tahun ke atas
- b) Junior -18 tahun ke bawah
- c) Master A - 30 – 34 tahun
- d) Master B - 35 – 39 tahun
- e) Master C - 40 tahun ke atas
- f) Elite - National rider 19 tahun ke atas

Pertandingan turut dimeriahkan dengan booth pameran oleh rakan penaja, antaranya Pedal Gear, Terminal Aspire dan Red Bull Asia di samping hebahan oleh rakan media PerakNews.com dan Suara Perak. Perasmian pertandingan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh ADUN Kuala Kangsar, YB. Maslin Sham Bin Hj Razman.



Aksi peserta Pertandingan Mountain Bike: Rainforest Downhill Challenge 2014
Taman Rimba Kledang Saiong.



Antara laluan mencabar di Taman Rimba Kledang Saiong.



Aksi di garisan penamat



Penyampaian hadiah kemenangan.



Senyuman manis tanda kepuasan!



YBhg Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak bergambar kenangan bersama peserta pertandingan.



LAB PELAKSANAAN KORIDOR EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (CFS) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Akmal Zawani Binti Abdul Kadir
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KAJANG, 14 Mei 2014 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan Lab Pelaksanaan Koridor Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) di Semenanjung Malaysia selama tiga (3) hari iaitu pada 14 - 16 Mei 2014 bertempat di Hotel Oriental Crystal, Kajang, Selangor. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Abdul Rahim B. Haji Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar), NRE. Seramai 68 peserta yang terdiri daripada wakil agensi/jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan sektor swasta telah menghadiri lab tersebut.

Tujuan Lab ini diadakan adalah untuk mengenalpasti isu dan permasalahan utama pembangunan Koridor Ekologi CFS di Semenanjung Malaysia dan menyediakan strategi pelaksanaan Koridor Ekologi CFS bagi tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang. Sesi taklimat oleh fasilitator dari agensi kerajaan dan swasta yang terlibat secara langsung dengan CFS turut diadakan. Aktiviti lab turut melibatkan pembahagian peserta kepada kumpulan kecil (4 kumpulan) dengan agihan tugas yang perlu diselesaikan oleh setiap kumpulan terlibat.

Seterusnya, sesi pembentangan tugas oleh setiap kumpulan dengan pihak urusetia membuat rumusan hasil perbincangan dan pembentangan tersebut. Hasil daripada rumusan mendapati lapan (8) isu diutarakan dengan penekanan isu-isu penting telah dibangkitkan oleh hampir kesemua kumpulan. Di akhir lab, satu sesi perbincangan panel telah diadakan setelah semua peserta dan ahli panel mendengar taklimat oleh Encik Nagulendran K. (ketua fasilitator) berkaitan hasil dan rumusan perbincangan kumpulan. Sesi panel ini adalah untuk membincang dan mencernakan rumusan lab kepada *way forward* bagi memantapkan pelaksanaan Pelan Induk Koridor Ekologi CFS.



Majlis Perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim B. Haji Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar), NRE.



Para jemputan bergambar kenangan bersama peserta lab.



Sesi panel bersama ahli – ahli panel jemputan.



Sesi taklimat oleh ketua fasilitator.



Sesi soal jawab yang memberangsangkan.



AKTIVITI PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Siti Raihana binti Ramli

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUALA LUMPUR, 16 Mei 2014 - Biro Sosial, PUSPANITA JPSM telah menganjurkan Program Jelajah Kuala Lumpur yang disertai seramai 29 orang ahli PUSPANITA Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Antara tempat-tempat yang telah dilawati sepanjang program ini adalah Muzium Negara, Tugu Negara, Istana Negara Lama dan *Asean Sculpture Garden*. Antara objektif program ini adalah untuk menambah pengetahuan mengenai sejarah Kuala Lumpur dan mengeratkan silaturrahim di kalangan ahli PUSPANITA dan keluarga.



Tabik hormat di hadapan Tugu Negara.



Keceriaan tergambar di wajah peserta lawatan



Sesi Bergambar di Hadapan Pintu Gerbang Muzium negara.

Secara keseluruhannya Program Jelajah Kuala Lumpur ini berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada ahli-ahli PUSPANITA JPSM. Harapan dan cadangan ahli-ahli yang turut serta agar program-program seumpama ini dapat dianjurkan lagi dari semasa ke semasa di masa yang akan datang.



BENKEL PENGECAMAN DAN PEMELIHARAAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/ BERUNIFORM TAHUN 2014 (ZON TIMUR)

Disediakan oleh: Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUALA BERANG, 10-14 Ogos 2014 - Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan B(SB) telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai Lapangan/ Beruniform Tahun 2014 (Zon Timur) bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT), Kuala Berang, Terengganu. Bengkel yang diadakan buat kali kedua bagi tahun ini merupakan sambungan daripada kursus yang telah diadakan pada 19-22 Mei 2014 di Hotel Mega View, Kuantan, Pahang yang melibatkan Pegawai Gred 27 dan ke atas. Bengkel kali ini mensasarkan peserta di kalangan Pegawai Beruniform iaitu Renjer Hutan dan Pengawas Hutan (Gred 17 dan ke bawah) yang bertugas di Zon Timur iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang selain dari Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Sambutan bengkel ini amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 35 pegawai. Sesi bengkel dikelolakan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang iaitu Encik Mohd Nasir bin Mohamad dan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu iaitu Encik Salleh bin Endut yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan spesies tumbuhan terancam. Bengkel ini turut mendapat bantuan fasilitator iaitu Renjer Kanan Aziz bin Mamat, Renjer Kanan Anuar bin Wok dan pasukan pemanjat JPN Pahang iaitu Encik Amidun bin Abdul Talib, Encik Azmi bin Mohamed dan Encik Hafizan bin Hamzah. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan menentukan kekunci utama dalam mengenalpasti spesies-spesies dalam kumpulan Dipterokarpa terutama yang terkandung dalam Senarai Merah (Red List) oleh *International Union for Conservation of Nature* (IUCN). Selain itu, peserta turut diberikan pendedahan bagi meningkatkan ilmu perhutanan dalam bidang dendrologi melalui pengumpulan spesimen herbarium yang disediakan sepanjang kursus ini berlangsung. Bengkel selama lima (5) hari ini meliputi kaedah pembelajaran secara teori, praktikal di lapangan dan latihan dalam kumpulan yang meliputi penyediaan specimen herbarium bagi spesies terancam. Para peserta telah dibawa ke lapangan di Kompartmen 31, Hutan Simpan (HS) Jerangau, Hulu Terengganu, Hutan Lipur (HL) Lata Tembakah,



Ucapan aluan bengkel oleh Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh iaitu Penolong Pengarah Arboretum.



Majlis Perasmian Bengkel disempurnakan oleh Encik Mohamad Ifratshim bin Muhamad Sa'ed, Penyarah (Operasi), PLPT, Kuala Berang, Terengganu.



Sesi Teori Pengecaman dan Pengenalan Spesies Terancam disampaikan oleh Encik Nasir bin Mohamad (Penolong Pegawai Kanan, Siasatan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)).



Sesi Bergambar bersama Encik Mohamad Ifratshim bin Muhamad Sa'ed, penceramah, para peserta dan urus setia Bengkel di hadapan Dewan Dato' Dr. Abd Rahman, PLPT, Kuala Berang, Terengganu.



Penyediaan specimen herbarium dalam kumpulan.



Penyediaan specimen herbarium secara individu bagi setiap peserta.



Ujian Penilaian Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT), Kuala Berang, Terengganu.



Taklimat Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di lapangan di Kg. Sungai Bari, Setiu, Terengganu.



Shorea atrinervosa (Balau hitam) – EN

Besut, Tapak Semaian Chalok dan Kg. Sungai Bari, Setiu bagi pengecaman spesies terancam. Sebanyak 31 spesies Dipterokarpa terancam telah ditemui antaranya *Hopea pachycarpa* (Giam bayan), *Vatica havilandii* (Resak degong), *Anisoptera laevis* (Mersawa durian), *Shorea singkawang* (Meranti sengkawang merah), *Shorea resinosa* (Meranti belang), *Dipterocarpus sarawakensis* (Keruing layang), *Shorea atrinervosa* (Balau hitam) yang masing-masing termasuk di dalam kategori *Critically endangered* (CR), *Endangered* (EN) dan *Vulnerable* (VU). Satu ujian penilaian pengecaman spesies Dipterokarpa terancam turut dijalankan bagi menguji peserta dalam membuat pengecaman spesies terancam. Secara keseluruhannya, pihak penganjur mendapati objektif kursus ini telah tercapai dengan jayanya berdasarkan beberapa komen positif daripada peserta yang menyatakan kursus ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka. Walau bagaimanapun beberapa cadangan penambahbaikan bengkel direkodkan, antaranya bengkel ini perlu dikekalkan dan diadakan secara bersiri di setiap negeri bagi memantapkan lagi kefahaman dan pengenalan setiap spesies kepada pegawai di lapangan/ beruniform khususnya, tempoh kursus dipanjangkan, pemilihan peserta terdiri Pegawai lapangan/ Beruniform yang masih muda untuk pelapis kepada jabatan, menghadkan bilangan spesies yang diajar untuk memudahkan peserta bengkel membuat ulang kaji dan mengenali spesies yang diajar.



Bunga dan daun *Shorea resinosa* (Meranti belang) – VU



Isi kulit *Vatica venulosa* (Resak letop) – EN



Anak pokok *Dipterocarpus sarawakensis* (Keruing layang) – CR



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2013 DAN APRESIASI PESARA JABATAN PERHUTANAN SEMANANJUNG MALAYSIA BAGI TAHUN 2014

Disediakan oleh: Asiah binti Yaacob
**Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia**

KUALA LUMPUR, 22 Mei 2014 - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah berjaya mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPSM (APC JPSM) bagi tahun 2013 bertempat di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Majlis APC JPSM yang dianjurkan secara tahunan ini adalah merupakan satu majlis rasmi bagi menzahirkan penghargaan pihak pengurusan ke atas usaha dan kegigihan warga kerja perhutanan JPSM yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang. Penganjuran majlis ini juga seiring dengan hasrat dan aspirasi murni Kerajaan Malaysia dalam menghargai prestasi dan pencapaian anggota perkhidmatan awam.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada 43 penerima APC yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2013. Tahniah juga diucapkan kepada 20 penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Semoga semua penerima anugerah ini akan terus berkhidmat dengan penuh berdedikasi dalam mencurahkan khidmat bakti kepada JPSM. Ia juga menjadi pemangkin kepada rakan-rakan anggota warga kerja perhutanan yang lain untuk sama-sama berkhidmat, memperkasa dan merealisasikan wawasan JPSM untuk menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

Majlis apresiasi pesara turut diadakan bersekalikan dengan Majlis APC JPSM tahun 2013 ini sebagai satu medium bagi meraikan serta menghargai jasa 19 warga kerja JPSM yang telah bersara dari penjawat perkhidmatan awam pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sumbangan, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah ditaburkan sepanjang tempoh berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia, khususnya kepada JPSM.



Sesi bergambar penerima-penerima APC JPSM bagi tahun 2013 bersama YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Haji Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Datin Junaidah Binti Kamarruddin, Setiausaha Bahagian Kanan NRE, YBhg. Dato' Prof. Dr. KPPSM dan YBhg. Dato' TKP(OT).



Sesi bergambar penerima-penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Haji Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Datin Junaidah Binti Kamarruddin, Setiausaha Bahagian Kanan NRE, YBhg. Dato' Prof. Dr. KPPSM dan YBhg. Dato' TKP(OT).



Sesi bergambar pesara JPSM tahun 2014 bersama YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Haji Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Datin Junaidah Binti Kamarruddin, Setiausaha Bahagian Kanan NRE, YBhg. Dato' Prof. Dr. KPPSM dan YBhg. Dato' TKP(OT).



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PROJEK KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) DAN AGENSI REMOTE SENSING MALAYSIA (ARSM) BIL. 1/2014

Disediakan oleh: Mohd Basri bin Mahidin @ Mohideen
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUALA LUMPUR, 29 Mei 2014 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Kerjasama JPSM-ARSM Bil. 1/2014 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Chengal, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Mesyuarat ini adalah sebagai medium pemantauan perkembangan dan status semasa projek-projek kerjasama yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek JPSM-ARSM Bil. 1/2012, yang telah diadakan pada 24 April 2012. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal) JPSM iaitu Yang Berbahagia Dato' Nik Mohamad Shah bin Nik Mustafa dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) ARSM iaitu Encik Adnan bin Ismail. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pengarah-pengarah bahagian dan pegawai-pegawai kanan yang terlibat dalam projek kerjasama ini.

Bersempena mesyuarat tersebut, satu lawatan ke Hutan Lipur Sg. Sendat, Hulu Yam telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Antara aktiviti semasa lawatan ialah taklimat dari Pegawai Hutan Daerah (PHD) Hulu Selangor tentang hutan lipur dan acara penanaman pokok di sekitar kawasan hutan lipur tersebut oleh Yang Berbahagia Mohamad Shah bin Nik Mustafa, Encik Adnan bin Ismail serta pegawai-pegawai lain. Di akhir program, para peserta telah dibawa melawat sekitar kawasan hutan lipur tersebut.



Acara menanam pokok oleh YBhg. Dato' Nik Mohamad Shah bin Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal).



Sesi bergambar Ahli-ahli Mesyuarat.



Acara menanam pokok oleh Encik Adnan bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) ARSM.



Acara menanam pokok oleh Haji Khairudin bin Mohamad Mor, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat.



KEM PERHUTANAN PERINGKAT NEGERI PAHANG 2014

Disediakan oleh: Rosilan bin Said
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

ROMPIN, 29 Mei 2014 - Pengarah Perhutanan Negeri Pahang telah merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Kem Perhutanan Peringkat Negeri Pahang 2014 bertempat di Taman Negeri Endau-Rompin, Rompin. Kem Perhutanan anjuran jabatan ini telah diadakan selama tiga (3) hari yang bermula pada 26 Mei 2014. Penganjuran kem kali ini telah diurusetikan oleh Unit Hutan Lipur. Seramai 100 orang peserta telah menyertai kem ini yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dari sekolah-sekolah menengah dalam Daerah Temerloh, Maran, Kuantan, Pekan dan Rompin.

Penganjuran kem ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang ilmu perhutanan, fungsi dan kepentingan hutan, memupuk semangat cintakan alam sekitar dan semangat kerja berpasukan. Kem ini turut mendapat kerjasama dari Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pasukan polis dari Balai Polis berhampiran. Sepanjang kem tersebut berlangsung, peserta menjalani beberapa aktiviti yang dapat melatih kemahiran perhutanan yang dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.



Persembahan berkumpulan.



kakitangan JPNP sedang mengajar tentang kaedah pengecaman daun.



Program Ikhtiar Hidup yang dipelajari peserta kem perhutanan.



Penerangan cara-cara untuk mengenal pokok oleh Renjer Unit Hutan Lipur.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE HUTAN LIPUR GUNUNG SOGA PERDANA, BATU PAHAT, JOHOR

Disediakan oleh: Azizan Bin Suhot
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

BATU PAHAT, 29 Mei 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan satu program Lawatan Sambil Belajar Ke Hutan Lipur Soga Perdana yang disertai oleh seramai 56 orang penjawat awam jabatan Perhutanan Negeri Johor pelbagai gred. Tujuan lawatan ini untuk memberi pendedahan kepada peserta lawatan mengenai kepelbagaian sumber yang terdapat di Hutan Lipur Soga Perdana di samping mengalami dan melihat sendiri pengurusan dan penjagaan sesuatu hutan lipur yang baik. Di antara aktiviti yang diadakan sempena lawatan ini ialah lawatan ke denai interpretasi yang memperlihatkan kepelbagaian sumber semula jadi seperti anak sungai, pokok-pokok besar seperti spesies meranti, pokok palma dan herba.



Acara menanam pokok oleh YBhg. Dato' Nik Mohamad Shah bin Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal).



Acara menanam pokok oleh YBhg. Dato' Nik Mohamad Shah bin Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal).



Acara menanam pokok oleh YBhg. Dato' Nik Mohamad Shah bin Mustafa, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal).

LAB MENGAPLIKASI SISTEM GROWTH DAN YIELD (G&Y)

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

NEGERI SEMBILAN, 4-6 Jun 2014 - Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Lab Mengaplikasi Sistem *Growth dan Yield* (G&Y) dengan jayanya di PNB Ilham Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Lab ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran pengguna dalam mengaplikasi sistem G&Y untuk tujuan pemprosesan, penganalisisan serta penyediaan laporan bagi data-data bancian. Seramai 16 orang pegawai dan pembantu penyelidik Gred G17 dan ke atas dari Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menghadiri sesi lab ini.



Peserta sedang mendengar penerangan dan taklimat mengenai sistem G&Y.



Latihan memasukkan data bancian dan penggunaan sistem.



MAJLIS PRA PELANCARAN GO GREEN WITH SULTAN AHMAD SHAH ENVIRONMENT TRUST (SASET)

Disediakan oleh: Encik Mohd Hafiz bin Samsudin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

BERA, 5 Jun 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama pihak Pengurusan RAMSAR serta jabatan-jabatan kerajaan di daerah Bera telah mengadakan Majlis Pra Pelancaran *Go Green With Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET)* Peringkat Daerah Bera bertempat di Tapak Ramsar, Hutan Simpan Tasek Bera. Majlis pra pelancaran ini merupakan langkah permulaan kepada pelancaran sebenar yang akan disempurnakan oleh KDYMM Sultan Pahang pada tarikh yang akan ditetapkan kelak. Perasmian majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha II (Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Haji Nik. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, YBhg. Dato' Haji Mohd Paiz bin Kamaruzaman, ADUN Kemayan, YB. Dato' Mohd Fadil bin Osman, Pegawai Daerah Bera, Tuan Haji Shamsuddin Sah bin Mohd Said dan j Pengarah Operasi SASET, YBhg. Dato' Aida binti Jusuf.

Turut menjayakan program tersebut ialah penjawat awam daripada beberapa jabatan kerajaan sekitar Daerah Bera dan pelajar-pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan. Sejumlah lebih kurang 1,000 anak pokok berjaya ditanam semasa program tersebut dan dijangkakan sebanyak 4,000 lagi anak pokok akan ditanam semasa majlis pelancaran sebenar nanti.



Pendaftaran peserta sebelum program belangsung.



Peserta menuju ke tapak tanaman anak pokok.



Petugas sedang menyediakan anak pokok dan lubang penanaman.



TAKLIMAT PENGURUSAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE) 5S

Disediakan oleh: Zuraida binti Mohd Aziz
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUALA LUMPUR, 11 Jun 2014 - Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan satu Taklimat Pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) 5S kepada pegawai-pegawai dan kakitangan IPJPSM bertempat di Dewan Damar Minyak. Taklimat ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan warga kerja IPJPSM Mengenai Pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S). Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Encik Khairul Nazir Bin Nawi daripada Bahagian Kecemerlangan Perniagaan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



Encik Khairul Nazir Bin Nawi daripada Bahagian Kecemerlangan Perniagaan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menyampaikan Taklimat Pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE) 5S.



Peserta program terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan IPJPSM.



Pegawai-pegawai dan kakitangan IPJPSM yang hadir semasa program.



Sesi bergambar kenangan YAB Dato' Haji Ahmad Razif Bin Haji Abd. Rahman dan ahli rombongan di Hutannya Lipur Chemerong, Dungun, Terengganu.

LAWATAN KERJA YAB MENTERI BESAR TERENGGANU KE HUTAN LIPUR CHERMERONG, DUNGUN TERENGGANU

Disediakan oleh: Zuraida Binti Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

TERENGGANU, 24 Jun 2014 - YAB Dato' Haji Ahmad Razif Bin Haji Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu telah mengadakan lawatan kerja ke Hutannya Lipur Chemerong, Dungun, Terengganu. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kemudahan yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan potensi Hutannya Lipur Chemerong sebagai produk eko-pelancongan di Negeri Terengganu. Lawatan YAB Menteri Besar ini turut diiringi oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.



Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Haji Azmi Bin Nordin, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu.



KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN MC&I (HUTAN ASLI) KE ARAH PENCAPAIAN ZERO CARs KEPADA PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Kamal Kusyairi Bin Abd Ghani,
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUANTAN, 24 – 26 Jun 2014 - Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan (Seksyen Pensijilan Hutan) telah menganjurkan kursus Pemantapan Pelaksanaan MC&I (Hutan Asli) ke Arah Pencapaian Zero CARs kepada Pegawai Hutan Daerah Gred G41 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertempat di Pusat Latihan Pembangunan Hutan Belimbing, Kuantan, Pahang. Taklimat ini dihadiri seramai 28 peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Hutan Daerah dari seluruh Semenanjung Malaysia. Taklimat kursus telah disampaikan oleh Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Ketua Seksyen Pensijilan Hutan.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan amalan pengurusan dan pembangunan hutan di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Selain itu, ia bertujuan memastikan kelemahan-kelemahan yang masih ada dapat diatasi sepenuhnya bagi memastikan Jabatan Perhutanan Negeri berjaya memperolehi pencapaian Zero CARs dalam pensijilan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia. Selain sesi taklimat, latihan amali di lapangan dijalankan dan seterusnya satu sesi perbincangan terbuka bersama fasilitator turut diadakan bagi mengenalpasti punca kelemahan dan kekuatan dalam memantapkan pelaksanaan MC&I di JPN masing-masing. Majlis Penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan).



Sesi taklimat yang disampaikan oleh Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah.




Sepenuh perhatian dan tumpuan diberikan oleh peserta kursus.



Aktiviti praktikal MC&I di lapangan.



Sesi bergambar para peserta dan Urusetia.



Kesudian YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) menyampaikan nasihat dan perbincangan bersama peserta kursus amat dihargai.



TAKLIMAT TRANSFORMASI PEMBANGUNAN ORGANISASI SEKTOR AWAM

Disediakan oleh: Kamal Kusyairi bin Abd. Ghani
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Kuala Lumpur, 30 Jun 2014 - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menganjurkan taklimat Transformasi Pembangunan Organisasi Sektor Awam pada 30 Jun 2014 bertempat di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Aminurrahim bin Mohamed, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya.



Para hadirin yang hadir semasa taklimat Transformasi Pembangunan Organisasi Sektor Awam terdiri daripada YBhg. Dato' Prof. Dr. KPPSM, YBhg. Dato' TKP(DP), YBhg. Dato' TKP(OT), Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-pengarah Bahagian, Pegawai-pegawai IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia.



Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia mengutarakan pertanyaan semasa sesi perbincangan dengan pihak JPA.



Sesi soal jawab antara peserta dan penceramah pada penghujung program.

TAKLIMAT TATACARA PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA

Disediakan oleh: Norbi binti Hj. Ramli
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUALA LUMPUR, 2 Julai 2014 - Taklimat ini telah diadakan di Dewan Damar Minyak, IPJPSM yang dihadiri seramai 88 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai Gred G27 hingga Gred G54. Pegawai-pegawai tersebut yang telah dilantik sebagai Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Penilaian, Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk menambah pengetahuan kepada pegawai-pegawai yang terlibat tentang tanggungjawab dan peranan serta proses menyeluruh bagi perolehan kerajaan seperti Penyediaan Laporan, Penyediaan Dokumen dan sebagainya. Taklimat tatakara Perolehan Secara Sebutharga telah disampaikan oleh Encik William Syrillus Tunsin, Unit Perolehan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE).



Peserta taklimat sedang mendengar penerangan yang disampaikan .



Sesi perbincangan diadakan antara peserta taklimat dengan penceramah.



MERAIKAN ANAK YATIM & TAZKIRAH BERSAMA USTAZ PU YEOP

Disediakan oleh: Nur A'in Binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 17 Julai 2014 - Mengambil barakah Ramadhan 1435H, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Perhutanan (PERKSPER) telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim dan Tazkirah 'Nuzul Al-Quran' Bersama Ustaz Mohd Zainudin Bin Mohamed Zaini atau lebih dikenali sebagai PU Yeop dari program Pencetus Ummah. Majlis ini telah bermula sekitar jam 5.30 petang dengan kehadiran seramai 300 orang kakitangan JPNPk yang beragama Islam dan 20 orang anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Ar-Ridwani, Ipoh.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak yang seterusnya menyampaikan sumbangan baju dan duit raya kepada anak-anak yatim yang hadir. Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian tazkirah ringkas oleh Ustaz PU Yeop yang terkenal dengan tagline ceramahnya "nyeghongen nyeghongen juge! moh kite beghomei!". Gelagat dan cara penyampaian PU Yeop yang santai dan bersahaja berjaya mencuri perhatian penonton yang hadir. Antara pengisian tazkirah adalah nikmat dan syafaat di bulan Ramadhan, syafaat membaca Al-Quran dan peringatan kepada penjawat awam tentang tanggungjawab dan amalan yang perlu dilaksanakan sebagai seorang muslim amnya.

Selesai berbuka puasa, semua hadirin yang hadir menunaikan Solat Fardhu Maghrib, Isyak dan Solat Sunat Tarawih secara berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz PU Yeop. Majlis diakhiri dengan jamuan ringkas dan bersurai kira-kira jam 10.30 malam.



Tazkirah ringkas "Nuzul Quran" oleh Ustaz PU Yeop .



Di antara pegawai dan kakitangan JPNPk yang hadir ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak Yatim & Tazkirah Bersama Ustaz PU Yeop Pencetus Ummah di Dewan Rimbawan.

YBhg. Dato' Haji Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak bersama isteri, YBhg. Datin Jamilah Binti Ujang menyampaikan sumbangan duit dan baju raya kepada anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Ar-Ridwani, Ipoh.



Barisan Pegawai Kanan JPNPk bergambar kenangan bersama Ustaz PU Yeop.



MAJLIS IHYA RAMADHAN 2014

Disediakan oleh: Mohd Shahril Nizam B. Mat Ali

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUALA LUMPUR, 18 Julai 2014 - Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Majlis Ihya Ramadhan pada 18 Julai 2014 bersamaan 20 Ramadhan 1435 H. Seramai 30 orang anak-anak Yatim daripada Darul Khifayah Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur dan seramai 10 orang Anak-Anak Yatim daripada Kelas Quran Wangsa Maju Kuala Lumpur telah dijemput bagi Majlis Iftar dan Solat Tarawih tersebut. Program tersebut telah bermula jam 4.30 petang dengan acara Ceramah Agama yang telah disampaikan oleh Ustaz Nik Muhammad Sukiman Bin Nik Yusof, Pegawai Hal Ehwal Islam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya. Program ini juga telah di hadiri Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri dan Mantan Ketua Pengarah serta Kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Para jemputan yang hadir semasa majlis Ihya Ramadhan JPSM tahun 2014



YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia menyampaikan cenderahati dan sumbangan kepada anak-anak yatim.



YBhg. Datin Soriaty binti Hj. Abd. Samad menyampaikan cenderahati dan sumbangan kepada anak-anak yatim.

KURSUS PENGECAMAN DAN PEMELIHARAAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KUANTAN, 19-22 Mei 2014 - Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan telah menganjurkan Kursus Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia bertempat di Hotel Mega View, Kuantan, Pahang. Seramai 19 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Gred 27 hingga



Sesi bergambar penceramah, peserta dan urus setia kursus.



Taklimat Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam oleh Encik Nasir bin Mohamad.



Kaedah Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Hutan Lipur Sungai Pandan.



Pengutipan daun dan biji benih oleh pasukan pemanjat JPNP.



Peserta menjalani Ujian Penilaian Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam .



Ucapan penutup oleh Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh (Penolong Pengarah Arboretum).

Gred 44 dari Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menyertai kursus ini. Dua (2) orang Penceramah jemputan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang iaitu Encik Nasir bin Mohamad dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu iaitu Encik Salleh bin Endut yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan spesies tumbuhan terancam telah dijemput sebagai tenaga pengajar kursus ini. Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan spesies tumbuhan terancam di lapangan terutama bagi famili Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia dan penekanan terhadap kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam. Kursus yang berdurasi empat (4) hari ini meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal dalam pengecaman spesies Dipterokarpa terancam. Hutan Lipur Sungai Pandan dan Hutan Simpan Lepar, Pahang telah dipilih sebagai lokasi pembelajaran praktikal kursus ini. Sepanjang tempoh praktikal, sebanyak 20 spesies Dipterokarpa terancam yang telah ditemui, antaranya *Anisoptera marginata* (Mersawa paya), *Dipterocarpus sublamellatus* (Keruing kerut), *Shorea falcitera* (Balau kuning), *Shorea dealbata* (Meranti bumbung), *Shorea macrantha* (Meranti kepong hantu), *Vatica scortechinii* (Resak langgung), *Shorea dasyphylla* (Meranti batu) dan *Vatica maingayi* (Resak lidi). Spesies-spesies Dipterokarpa yang ditemui tergolong dalam kategori *Endangered* (EN) dan *Vulnerable* (VU). Para peserta turut didedahkan dengan spesies-spesies terancam lain yang terdapat di hutan ini antaranya, spesies terancam di Negeri Terengganu - *Dipterocarpus sarawakensis* (Keruing layang), Johor - *Shorea peltata* (Meranti telepok/Damar hitam telepok) dan Perak - *Shorea foxworthyi* (Balau bukit). Di akhir program kursus, satu ujian penilaian pengecaman spesies Dipterokarpa terancam telah dijalankan bagi menguji kefahaman dan daya ingatan para peserta terhadap pembelajaran kursus. Secara keseluruhan, objektif kursus ini telah tercapai dengan jayanya berdasarkan beberapa komen positif daripada peserta; kursus ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka. Beberapa cadangan juga telah direkodkan, antaranya supaya kursus ini diadakan secara bersiri dengan memberi fokus kepada satu (1) sub-famili pada satu-satu masa dan tempoh kursus dipanjangkan. rakan UNESCO-IHP Malaysia ke arah menjamin kesinambungan sumber air bagi kesejahteraan dan kelestarian hidup rakyat.

Pelaksanaan program ini melibatkan penerangan asas oleh agensi rakan UNESCO-IHP yang bertindak sebagai fasilitator dan diikuti pelaksanaan aktiviti amali. Sebanyak lapan (8) modul telah dilaksanakan yang meliputi pelbagai bidang berkaitan dengan pengurusan sumber air secara bersepadu. Antaranya ialah Air, Sungai dan Manusia (UKM), Perubahan Iklim (NAHRIM), Hutan dan Air (JPSM), Bio-indikator (JPS dan USM), Air dan Kesihatan (KKM), Pengenalan dan Eksplorasi Air Bawah Tanah (JMG), Proses Rawatan Air Minum (UTHM) dan Sukatan Luah Air (JPS BSAH).



Shorea materialis (Balau pasir) – VU



Anak pokok *Dipterocarpus sublamellatus* (Keruing kerut) – VU



Bunga dan daun *Shorea dasyphylla* (Meranti batu) - VU



Batang *Shorea dealbata* (Meranti bumbung) – EN



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 2014 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Penolong Setiausaha PEKSJAP
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

BUKIT SEKILAU, 21 Ogos 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melalui Persatuan Kebajikan dan Sukan JNP (PEKSJAP) telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri 1434H bertempat di perkarangan Pejabat Pembangunan Hutan, Bukit Sekilau bermula jam 2.00 petang dan berakhir jam 4.30 petang. Hidangan yang dijamu pada hari tersebut telah disediakan secara gotong -royong seperti yang telah ditetapkan mengikut pejabat masing-masing.



Ucapan Hari raya disampaikan oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Encik Lim Kee Leng.



YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Pahang sedang menikmati juadah yang terhidang.



Sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dikalangan kakitangan JNP disampaikan oleh, Pengerusi PUSPANITA, Datin Hajah Asmas binti Salleh.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh kakitangan JNP termasuk semua Pejabat Hutan Daerah dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli keluarga masing-masing. Pengarah Perhutanan Negeri Pahang selaku Pengerusi PEKSJAP, YBhg. Dato' Haji Mohd. Paiz bin Kamaruzaman turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak kakitangan yang hadir serta sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim di kalangan anak kakitangan sendiri. Sumbangan kepada anak yatim tersebut disampaikan melalui ketua jabatan masing-masing.



Diantara hidangan yang disediakan oleh Pejabat Hutan Daerah.



PROGRAM KEMBARA RIMBA DAN HARI PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK BERSAMA PRO-MOTORSPORT CLUB DAN YOUNG MUSLIM SPORT CLUB DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI POST YUM, SUNGAI SIPUT (U)

Disediakan oleh: Nur A'in Binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KUALA KANGSAR, 24 Ogos 2014 - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah menganjurkan Program Perhutanan Sosial Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Perak dan Pro-Motorsport Club dan Young Muslim Sport Club bersama Masyarakat Orang Asli Kampung Pos Yum, Kampung Mayes, Kampung Kutai dan Kampung Beswak, Sg. Siput (Utara). Objektif program adalah untuk mengeratkan hubungan penjawat awam JPNPk amnya dan organisasi bukan kerajaan (NGO) dengan masyarakat setempat khususnya masyarakat orang asli. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu medium untuk menyalurkan bantuan dan sumbangan zakat dari Pro-Motorsport Club dan Young Muslim Sport Club serta menggalakkan penanaman pokok karas melalui sumbangan anak pokok daripada JPNPk. Kerjasama strategik di antara JPNPk dengan NGO dan JAKOA merupakan salah satu usaha mengadaptasi konsep Strategi Lautan Biru (BOS) yang disarankan oleh pihak kerajaan.

Program dimulakan dengan ucapan aluan daripada YBhg. Dato' Haji Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak, manakala perasmian majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Zolkafly Bin Harun, ADUN Lintang. Dalam ucapan perasmian, beliau turut mengambil kesempatan menyeru masyarakat orang asli agar berusaha untuk memelihara kawasan



Taklimat Pengecaman Spesies Dipterokarpa
Terancam oleh Encik Nasir bin Mohamad.

menjadi mata dan telinga kepada JPNPk dalam usaha membanteras pencerobohan hutan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang perhutanan.

Seramai 800 orang yang terdiri daripada 243 buah keluarga masyarakat orang asli telah menyertai program ini. Setiap keluarga telah menerima sumbangan zakat daripada Pro-Motorsport Club dan Young Muslim Sport Club serta sumbangan anak pokok karas dari JPNPk.



Taklimat Pengecaman Spesies Dipterokarpa
Terancam oleh Encik Nasir bin Mohamad.



Kaedah Pengecaman Spesies Dipterokarpa
Terancam di Hutan Lipur Sungai Pandan.

persekitaran perkampungan dari segi kebersihan, memupuk semangat keharmonian dan mengekalkan kebudayaan mereka. Usaha ini penting dalam menyokong matlamat kerajaan negeri untuk melancarkan program homestay yang telah dirancang di perkampungan tersebut. Sekiranya program ini berjaya dilaksanakan, pelbagai manfaat akan diperolehi oleh pihak kerajaan dan masyarakat orang asli, antaranya dari segi penambahan sumber pendapatan serta peluang untuk menengahkan budaya, cara hidup dan adat resam yang diamalkan kepada pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Selain itu, masyarakat orang asli juga berperanan



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Ruasmizan binti Mat Zain

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dilaksanakan sebanyak dua (2) kali dalam setahun. Peperiksaan ini bertujuan untuk pengesahan dalam perkhidmatan bagi semua penjawat awam JPSM sama ada lantikan terus atau kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL). Peperiksaan Perkhidmatan Bil.2/ 2014 telah dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2014 oleh pihak Urus Setia Peperiksaan JPSM. Peperiksaan Perkhidmatan ini melibatkan Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G27, Pemelihara Hutan Gred G41, Renjer Hutan Gred G17, Pengajar Membalok Gred G17, Pembantu Penyelidik Gred Q17 dan Pengawas Hutan Gred G11. Semua peperiksaan termasuk komponen teori dan amali dilaksanakan di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong kecuali bagi Peperiksaan Pengajar Membalok yang dilaksanakan di Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. Seramai 90 penjawat awam JPSM telah mengambil peperiksaan bagi komponen teori manakala seramai 62 penjawat awam JPSM telah mengambil peperiksaan bagi komponen amali.



Peperiksaan Perkhidmatan Renjer Hutan G17
(Amali).



Peperiksaan Perkhidmatan Pengawas Hutan G11 (Teori).



MUTIARA PULAU PINANG BERUSIA 130 TAHUN

Disediakan oleh: Muhammad Umar bin Abdullah
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Taman Botani Pulau Pinang (Penang Botanical Gardens) terletak kira-kira 8km dari pusat Bandar Georgetown. Taman Botani Pulau Pinang yang juga dikenal sebagai 'Waterfall Gardens' telah ditubuhkan oleh pemerintah British yang telah membangunkannya dari kawasan kuari lama. Kecantikan dan ketenteraman taman botani ini telah lama dinikmati dan disanjung oleh ribuan pengunjung setiap hari. Selain berfungsi sebagai arboretum koleksi pokok warisan, ia juga merupakan tapak pemeliharaan dan pemuliharaan botanical, pendidikan dan latihan. Taman Botani juga memainkan peranan dalam pembangunan bidang hortikultur dan landskap.

Taman Botani Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 1884 oleh Charles Curtis dari Jabatan Kebun dan Perhutanan Negeri-Negeri Selat (Gardens and Forests Departments Straits Settlements). Sebagai penguasa pertama, Encik Curtis adalah seorang pencinta tumbuhan yang telah berusaha bersungguh-sungguh membangunkan sebuah kuari lama menjadi sebuah taman botani yang indah. Beliau juga telah memberi sumbangan yang amat bernilai dalam pembangunan botanikal dan hortikultur taman ini.

Pokok Cannon Ball (*Couroupita guianensis*) dan pokok Sengkuang (*Drancantomelon dao*) yang berakar banir besar mudah dijumpai dalam taman ini. Terdapat beberapa pokok pinang (*Areca catechu*) di taman ini dan nama Negeri Pulau Pinang diambil sempena nama pokok ini. Tumbuh-tumbuhan seperti Slipper Orchid (*Paphiopedilum barbatum*) dan Black Lily (*Tacca integrifolia*) yang mempunyai keunikannya tersendiri dengan bunganya yang berwarna hitam-keunguan juga boleh dijumpai.

Kepelbagaian fauna seperti monyet (Long Tailed Macaque), Lutong (Dusky Leaf), tupai (Black Giant Squirrel) dan pelbagai serangga dan rama-rama juga boleh ditemui di taman ini. Selain itu, khidmat jualan pokok-pokok bunga kepada orang ramai turut diadakan pada harga yang berpatutan. Terdapat sebuah air terjun yang menakjubkan di kawasan bukit berhampiran kolam takungan air. Bagaimanapun, kebenaran bertulis perlu diperolehi daripada pihak berkuasa sebelum lawatan boleh dibuat.



Pokok pukol lima yang terletak berhampiran pintu masuk adalah seusia dengan taman botani.



Kawasan hijau yang dipelihara untuk rakyat Pulau Pinang.



Band stand disediakan untuk kegunaan orang awam.